

**Budaya Masyarakat Malaysia, Indonesia Perlu Dibiarkan Berkembang Ikut Evolusi Sendiri – Rais Bernama**  
**05 Julai, 2012**  
**Daripada Haslinda Zainal**

PADANG (SUMATERA), 5 Julai (Bernama) -- Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata seni budaya yang diamalkan masyarakat Malaysia dan Indonesia harus dibiarkan berkembang mengikut evolusinya sendiri.

"Seni budaya yang diamalkan sama ada menerusi orang Minang, Mandailing atau Jawa harus dibiarkan (berkembang) kepada evolusi seni itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di Seminar Budaya 'Semangat Islam Dalam Warisan Budaya Melayu' anjuran Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di sini Khamis.

Seminar itu dirasmikan wakil Gabenor Sumatera Barat Muslim Kasim dan turut dihadiri Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Datuk Wira Othman Mohamad yang mewakili Presiden DMDI Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Rais berkata seni budaya yang dikongsi bersama itu "tidak harus dibuat apa-apa sekatan asalkan kita tidak amalkan apa-apa kesalahan di sisi undang-undang antarabangsa".

"Tarian seperti tor-tor dan gendang sembilan Mandailing harus diwarisi oleh masyarakat Mandailing. Mereka berhak untuk amalkan dan seharusnya masyarakat Mandailing di Malaysia juga berhak mengamalkannya," katanya.

Rais berkata demikian bagi mengulas isu budaya Gordang Sembilan Mandailing (Gendang Sembilan Mandailing) dan tarian Tor Tor Mandailing yang menjadi kontroversi di Indonesia, bulan lepas.

Untuk itu, sistem pengiktirafan menerusi pendaftaran bukan untuk Malaysia tetapi masyarakat itu sendiri dan ini harus dimaklumi seperti orang Minang dengan silat randainya dan sebagainya yang menjadi sebahagian daripada jiwa kumpulan masyarakat tersebut, katanya.

Beliau berkata isu itu tidak sepatutnya menjadi sesuatu yang mengekang atau menyempitkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

"Mereka yang tidak kenal sejarah barangkali agak berbaur pendapat, oleh itu kita harus hati-hati dan berbudi bahasa dalam menentukan seni budaya," katanya.

Rais berkata: "Masyarakat perlu mengenal sejarah dan evolusi budayanya sendiri di samping adanya hak antarabangsa yang tidak seharusnya dibuat tiruan untuk dijadikan alat berniaga.

"(Mereka juga) seharusnya tidak lekas buat tuduhan agar rakyat kita perlu kekal dalam pengertian hidup aman damai".

Sementara itu, Muslim berkata sebagai seorang Melayu dan bangsa serumpun dengan rakyat Malaysia, beliau merasa bangga jika adat-adat Melayu itu dikembangkan ke seluruh dunia.

"Ada 500,000 orang keturunan Mandailing di Malaysia, wajar kalau dibawa cara hidup dan

budayanya dikembangkan di sana untuk kepentingannya sendiri.

"Justeru jangan berfikiran sempit. Kita harus berfikiran luas sehingga hal-hal yang kecil itu tidak menjadi tambatan (kekangan) bagi hubungan persahabatan Indonesia dan Malaysia.

"Oleh kerana itu kita mendorong ke depan untuk generasi muda (dan kita juga) perlu lanjutkan dengan pertukaran pelajar antara Indonesia dan Malaysia. Dengan itu terjalin rasa bersama bangsa serumpun antara dua negara," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678395>